



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan  
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH KEMAJUAN PELANCONGAN (SUPERSCALE C)  
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGARAH KEMAJUAN PELANCONGAN  
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Komunikasi Media / Pelancongan dan Perhotelan / Pemasaran / Pengurusan / Pentadbiran / Perniagaan dan Kewangan / Sains Politik / Sains Sosial atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. i) Telah berkhidmat di Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Timbalan Pengarah Kemajuan Pelancongan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus Program Pembangunan Eksekutif di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Mulia Setiausaha tetap dan Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;
2. Memastikan bahawa sasaran-sasaran strategik dan matlamat-matlamat operasional sejajar dengan misi dan visi Jabatan dan Bahagian;
3. Bertanggungjawab dan mengawasi kegiatan-kegiatan dan perkembangan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam;
4. Menyediakan perancangan strategik dalam menggalakkan dan memajukan industri pelancongan, antaranya:
  - i. Menyelaras lawatan suai kenal media dan agensi pelancongan luar negeri;
  - ii. Menyelaras penerbitan risalah-risalah promosi pelancongan;
  - iii. Menganjurkan dan mengendalikan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang pelancongan.
5. Bertanggungjawab terhadap kebijakan, kesejahteraan dan keberkesanan semua Pegawai dan Kakitangan di Jabatan Kemajuan Pelancongan;
6. Memastikan setiap Pegawai dan Kakitangan di Jabatan Kemajuan Pelancongan menghayati peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam mendokong misi dan visi Jabatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan
7. Mengawasi dan memantau penggunaan perbelanjaan (peruntukan) menurut garis pandu-garis pandu atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Kewangan (*Financial Regulation*) 1983 Negara Brunei Darussalam.